

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PELANCARAN RASMI BANK PEMBANGUNAN
MALAYSIA BERHAD DI PEJABAT BANK PEM-
BANGUNAN MALAYSIA BERHAD, BANGUNAN
MOCCIS, JALAN MELAKA, KUALA LUMPUR
PADA 3HB OGOS, 1974

Y.B. Tan Sri Syed Nasir; Pengerusi, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Y.B. Menteri-menteri, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Syed Nasir serta Lembaga Pengarah Bank ini kerana memberi penghormatan kepada saya merasmikan pelancaran Bank ini pada pagi ini.

Penubuhan Bank ini memang kena pada masanya terutama di saat kita sedang giat melaksanakan Dasar Ekonomi Baru iaitu penyertaan Bumiputra yang lebih berkesan dalam ekonomi negara.

Sebenarnya cadangan menubuhkan institusi kewangan khasnya bagi membantu Bumiputra dalam sektor perdagangan dan perindustrian bukanlah satu perkara yang baru. Di masa kebelakangan ini banyak agensi Kerajaan telah ditubuhkan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan kepada pengusaha-pengusaha Bumiputra, tetapi penyertaan Bumiputra dalam sektor perindustrian masih lagi tidak memuaskan. Setakat ini penyertaan Bumiputra dalam sektor tersebut hanyalah berjumlah lebih kurang 2% saja, iaitu \$102.6 juta sedangkan matalamat tahun 1990 kelak ialah 30% atau \$14,075.5 juta. Ini jelas menunjukkan bahawa jalan yang kita hendak tempuh untuk mencapai matalamat 30% itu masih jauh lagi.

Sebagai yang sedia dimaklum, satu daripada beberapa langkah penting untuk mempercepatkan lagi penyertaan Bumiputra dalam sektor perindustrian ialah menentukan pembekalan kewangan yang cukup dengan mengadakan beberapa lagi institusi kewangan. Oleh itu saya telah mengarahkan supaya disiapkan laporan berkenaan pembentukan sebuah Bank Pembangunan dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad yang telahpun didaftarkan pada

28hb November, 1973, ini adalah hasil dari perakuan Lapuran itu.

Tentulah ada yang akan bertanya mengapa Bank Pembangunan ini ditubuhkan sebagai Syarikat anak yang dimiliki sepenuhnya oleh Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Memanglah menjadi amalan sebuah Bank Pembangunan mengadakan Bahagiannya tersendiri untuk menerima deposit atau simpanan daripada orang ramai dan deposit ini bolehlah menjadi modal pusingan Bank Pembangunan itu kelak. Tetapi Bank Pembangunan Malaysia ini berbeza sedikit iaitu hanya ditubuhkan sebagai sebuah syarikat berhad dan aktiviti-aktiviti menerima deposit tidak boleh dijalankan oleh Bank ini. Jadi terpaksa Bank Pembangunan mendampingi sebuah Bank Perdagangan biasa dan Bank Bumiputra telah dipilih untuk maksud itu. Perdampingan di antara Bank Pembangunan dan Bank Bumiputra ada banyak faedahnya. Dari pihak Bank Pembangunan ia boleh menggunakan pengalaman dan jasa baik induk yang banyak mempunyai cawangan dan contacts di seluruh negara. Di pihak Bank Bumiputra pula yang pernah jadi sasaran orang ramai, kegiatannya untuk membantu Bumiputra yang terhad kerana terpaksa patuh kepada undang-undang seperti kawalan "cash ratio" dan juga sekatan mengambil equity pelaburan itu dapat diatasi dengan menyalurkan bantuan menerusi Bank Pembangunan ini.

Tuan-tuan sekalian.

Bank Pembangunan diberi tugas yang penting di dalam usaha Kerajaan mewujudkan lebih banyak lagi projek-projek perindustrian Bumiputra di negara kita ini baik di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak. Tugas-tugas Bank ini mengandungi beberapa dasar pokok antara lain-lain ialah: Pertama menggalakkan dan membantu Bumiputra mengidentifikasi, menilai, merancang, membiayai dan melaksanakan projek-projek perindustrian. Kedua, mengadakan equity di dalam sesuatu projek dengan mengadakan pinjaman jangka masa sederhana atau panjang dengan kadar bunga yang istimewa atau dengan penyertaan di dalam sesuatu projek yang mana equitynya boleh dijual balik kepada peminjam atau Bumiputra lain. Ketiga, memberi jaminan kepada pinjaman untuk alat kelengkapan perindustrian yang diberi oleh pembekal atau institusi-institusi asing. Keempat, memberi bantuan nasihat mengenai pengurusan dan teknik pada semua peringkat di dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu projek.

Jelaslah tujuan kita bukan hanya untuk mencapai kejayaan di segi perniagaan semata-mata tetapi juga untuk mencapai mata-lamat-matalamat sosial dalam context Dasar Ekonomi Baru terutamanya mewujudkan lebih ramai lagi industrialist Bumiputra.

Sesuai dengan dasar pokok itu, Bank Pembangunan akan memberikan perkhidmatan asas kepada sesiapa juga Bumiputra untuk menjalankan projek perindustrian, seperti pinjaman jangka panjang hingga lima belas tahun untuk harta tetap. Satu daya penarik Bank ini ialah ia menerima cagaran tanah resab Melayu.

Satu perkara yang patut saya sebut di sini ialah walaupun perkhidmatan Bank Pembangunan ini terbuka kepada pengusaha Bumiputra sahaja, tidaklah bermakna pihak bukan Bumiputra tidak layak mendapat bantuan. Bank ini akan memberi pertolongan juga kepada projek usaha-bersama Bumiputra dengan bukan Bumiputra asalkan majority daripada modal projek tersebut dimiliki oleh Bumiputra.

Tuan-tuan sekalian.

Kerajaan berazam dan akan memastikan segala usaha-usaha Bank berjalan dengan sempurna. Kejayaan Bank Pembangunan amatlah penting dan mustahak kerana diberi peranan besar bagi menjayakan Dasar Ekonomi Baru kita. Dalam hal ini saya berharap semua pihak termasuk juga pihak-pihak swasta akan memberikan kerjasama penuh kepada Bank Pembangunan ini.

Berkenaan dengan orang-orang yang bertanggungjawab memimpin Bank ini, saya telah melantik Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir Ismail sebagai Pengerusinya dan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain ialah:

Y.M. Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah

Datuk Dr Arshad bin Ayub

Encik Ahmad Roose bin Mohd. Ali

Dr Rais bin Saniman

Encik Shamsir bin Omar

Encik Azlan bin Hashim dan

Encik Mohd. Zain bin Haji Abdul Majid.

Kerja-kerja eksekutif adalah di bawah jagaan Encik Salim bin Datuk Osman selaku Pengurus Besar, dibantu oleh beberapa orang pegawai kanan termasuk seorang Penasihat dari ihsan Kerajaan Jerman Barat.

Kesemua mereka ini adalah orang-orang yang berkebolehan dan berpengalaman luas dalam bidang-bidang tertentu dan saya percaya mereka sebagai satu pasukan dan dengan kerjasama pihak-pihak lain akan dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna.

Sebagaimana telah dinyatakan oleh Tan Sri Syed Nasir tadi, Kerajaan telahpun bersetuju memberi pinjaman pertama sejumlah \$15 juta kepada Bank Pembangunan yang akan saya sampaikan sebentar nanti. Berhubung dengan hal ini, sukalah saya memberitahu bahawa Kerajaan akan menimbang untuk melonggarkan syarat-syarat pinjaman itu. Sebenarnya wang \$15 juta tentulah tidak mencukupi bagi membiayai kegiatan-kegiatan Bank ini. Kerajaan akan mengkaji permohonan pinjaman tambahan daripada Bank ini dari masa ke masa.

Sebelum saya akhiri ucapan ini, sukalah saya menyeru kaum Bumiputra daripada segala peringkat perdagangan dan perindustrian supaya menggunakan perkhidmatan Bank ini dan bekerjasama dengannya untuk faedah rakyat dan negara dan juga mereka sendiri.

Dengan seruan dan harapan itu, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Bank Pembangunan Malaysia Berhad ini dan berdoa agar Bank ini dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna dan berjaya untuk mencapai hasrat dan cita-cita rakyat dan negara.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein diiringi oleh Datuk Ong Kee Hui dan Tuan H. Rudy Gontha berjalan masuk ke Dewan di Seminar Kewangan Kerajaan Tempatan di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 5hb Ogos, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)